

# Wira Dalam Kesusasteraan Klasik Jawa

Noriah Mohamed

## Pendahuluan

Dalam pembinaan sesebuah karya, seringkali manusia dijadikan watak yang beraksi dan dari aksi-aksi inilah yang cuba diberi makna dan tafsiran. Kadangkala jika diteliti dari kesusasteraan Rakyat (Folktales), binatang juga diberi peranan sebagai manusia dan dari tindak perlakuan binatang ini pula cuba dikaitkan dengan kehidupan manusia. Justeru itu manusia sering dijadikan titik perbicaraan dalam menampilkan mesej yang ingin disampaikan.

## Definisi Watak

Watak ialah pengambil bahagian dalam sesebuah karya, sama ada terdiri dari manusia dan binatang. Watak yang ditampilkan selalunya dikaitkan dengan nilai moral, prinsip dan nilai-nilai kemanusiaan melalui peranan yang dimainkan. Dalam karya-karya fiksiyen, misalnya, pengarang akan menampilkan watak yang mempunyai nilai sesuatu bangsa dan dapat pula nilai itu diterima oleh masyarakat lain. Watak baik yang ditonjolkan ini adalah watak *protagonis* sedangkan watak yang melanggar nilai-nilai murni kemanusiaan ialah watak *antagonis*.

Selain itu watak yang dicipta oleh pengarang sering menampilkan nilai yang ada pada pengarang. Pengarang seolah-olah menjadi dalang dalam membeberkan pelaku-pelakunya. Fenomena ini juga menjadi inti dalam menampilkan sesuatu nilai sama ada baik atau sebaliknya. Untuk meneliti wira sebagai watak utama dalam kesusasteraan Jawa seharusnya dilihat juga periode perkembangan kesusteraan Jawa itu sendiri kerana setiap periode menampilkan wira yang berbeza mengikut penyesuaian waktu dan suasana.

## Periode

Kesusasteraan Jawa dapat dibahagi kepada tiga tahap berdasarkan pada penggunaan bahasa dan bentuk penulisannya, iaitu:

- a. Kesusasteraan Jawa Kuno — yang bermula pada kira-kira abad 8 masihi hingga awal zaman Majapahit.
- b. Kesusasteraan Jawa Tengahan — yang bermula pada zaman kegemilangan Majapahit sehingga abad 17.
- c. Kesusasteraan Jawa Baru — bermula dari abad 18.

(Noriah, 1987: 404)

Walaupun pembahagian di atas dibuat berdasarkan waktu namun kesusasteraan Jawa kadangkala dibahagi menurut genre dan corak kesusasteraan melalui bahasa dan isu

yang dipaparkan. Pembahagian ini berdasarkan kepada karya-karya yang tercipta mengikut zamannya:

- a. Karya-karya Zaman Hindu
- b. Karya-karya Zaman Majapahit
- c. Karya-karya Zaman Islam
- d. Karya-karya Zaman Mataram

Pembahagian mengikut zaman ini telah ditambah dua lagi iaitu:

- a. Karya-karya Zaman Surakarta
- b. Karya-karya Zaman Kini

(M.Geonadi, 1960: 175)

Walau bagaimanapun agak sukar untuk dibuat satu pembahagian yang benar-benar mutlak kerana pengaruh Hindu dalam kesusasteraan Jawa terus berlanjutan hingga kini. Contoh seperti tema-tema dari kitab *Ramayana* dan *Mahabharata* terus dimanfaatkan ke dalam karya-karya di zaman Jawa Tengahan dan sehingga kini, secara dibuat penyesuaian dengan zaman. Justeru itulah pembahagian-pembahagian ini dianggap relatif sifatnya. Namun demikian pembahagian ini dianggap perlu sebagai garis panduan untuk menentukan ciri-ciri sesuatu karya itu.

Kesusasteraan Jawa Kuno dapat dirujuk kepada karya-karya yang berbentuk kekawin, yang keseluruhan isinya diambil, dari kitab *Mahabharata* dan *Ramayana*. secara tidak langsung tokoh yang menjadi sorotan adalah tokoh yang terdapat dalam kedua epik ini iaitu Rama dari *Ramayana* dan para pendawa dari *Mahabharata*.

### **Ramayana**

Di dalam *Ramayana*, Rama adalah tokoh protagonis yang membawa pelbagai nilai kebaikan yang terdapat pada manusia. Rama dianggap sebagai anak yang setia, suami yang penuh kasih kepada isteri, abang yang mengasihi adiknya, raja yang adil dan berdiplomatik dan sebagai pemimpin di medan peperangan (Liw Yock Fang, 1975:21).

Tokoh Rama telah dijadikan sebagai tokoh ideal dalam kesusasteraan Jawa terutama pada karya-karya yang berbentuk kekawin seperti *Kekawin Ramayan*. Cerita Rama ini ditulis juga dalam bentuk prosa iaitu *Utarakanda* (Poerbatjaraka, 1957: 7).

Kepopularan cerita Rama di Jawa tidak hanya terbatas kepada dua teks yang disebutkan tadi malahan cerita ini telah dipahat sebagaimana yang terdapat pada Candi Panataran (Jawa Timur) dan Candi Prambanan (Yogyakarta). Inspirasi Rama telah memberi rangsangan kepada dalang-dalang wayang Purwa sehingga cerita Rama yang berjudul *Serat Kanda Ning Ringgit Purwa* telah dijadikan cerita pewayangan. Tokoh Rama dan Sita telah dijadikan sebagai lambang cinta abadi antara dua insan.

Watak Rama dalam cerita *Ramayana* versi India lebih menonjolkan sikap *dharma* seorang manusia. Justeru itu watak Rama digambarkan sebagai watak yang sempurna yang harus pula dicontohi oleh penganut Hindu yang lain. Contoh yang paling ketara seperti mendesak ayahnya terus memegang janjinya kepada Kaikeyi agar Bharata (adik Rama) dirajakan. Di sini Rama dianggap sebagai simbol *dharma* dalam agama Hindu. Secara keseluruhan cerita *Ramayana* itu sendiri dikatakan sebagai gambaran suatu dunia yang terikat oleh peraturan ketuhanan tertinggi yang mengatasi kekuatan manusia melalui peraturan dharma (Ali Hj. Ahmad, 1986: 5).

Di dalam Pewayangan Jawa nama Rama telah mengalami pengubahsuaian selaras dengan selera Jawa sehingga tokoh Rama diberi nama Raden Ramabadra dan kadangkala sebagai Raden Ramawijaya. Tokoh Rama dianggap sebagai manusia sempurna kerana pernah Begawan Yogiswara berkata:

Dengarlah anakku, terutama engkau Raden Ramabadra atau Raden Ramawijaya. Engkau adalah penitisan Betara Wisnu yang menjelma di dunia ini untuk memelihara ketenteraman jagad ini. Tak akan ada yang melebihi kesaktianmu. Tak akan ada dapat merintangimu. Engkau adalah satriya putera raja yang tekun oleh kebajikan...

(Sunardi D.M., 1979: 18)

Rama dianggap sebagai titisan Betara Wisnu yang dilahirkan ke dunia untuk menghapuskan kekejaman dan kebatilan terutama yang dilakukan oleh Rawana. Kesaktian dan kehebatan Rama begitu ditonjolkan dalam kesusasteraan Jawa. Dalam erti yang lain Rama adalah tokoh yang keseluruhan fisik dan spiritual dicipta secara tersempurna. Ini selaras dengan dirinya sebagai titisan Wisnu.

Dalam meneliti ketokohan Rama dapat ditelusuri dari setiap peranan dan perlakuan yang dilakukan oleh Rama.

a) **Sebagai Anak Yang Setia**

Perlakuan Rama sebagai anak yang patuh dan taat ini benar-benar menarik minat khalayak kesusasteraan Jawa, terutama sewaktu ia diarahkan keluar dari istana Ayuthia. Rama tidak memberontak malahan ia rela menerima keputusan itu secara wajar (Sunardi D.M., 1979: 30). Tindakan Rama menjadi contoh kepada khalayak Jawa bahawa *sabar* amat perlu dalam menangani hidup ini. Secara legal tampuk pemerintahan adalah haknya kerana dia anak yang tua. Padahal sebelum itu pun ia telah diisytiharkan secara sah menjadi raja di Ayuthia.

Tinarik ing Singasana,  
Punggawa sami ngestreni,  
Yen ingkang rama magawan,  
Bujana sumilih silih  
Tusuk sagung kang nangkil,

Sasolahe boja nutug,  
Kondur Sri Dasarata,  
Miwah kang putra Narpati,  
Angadhaton sareng maksih nunggil Pura.

(Sunardi D.M., 1979: 29)

Ertinya:

Diangkat naik takhta,  
disaksikan para penggawa  
sang ayah jadi pendita  
hidangan silih berganti  
puas pada yang hadir  
semuanya merasakan  
Sri Dasarata ke istana (pulang)  
bersama anak-anaknya  
sementara berada seistana.

Perasaan dengki dan marah tidak pernah ditonjolkan oleh Rama walau dalam suasana apa sekalipun. Ia sentiasa bersikap rela dan menganggap segala yang berlaku semuanya sebagai takdir. Penonjolan sikap *sabar* dan *rela* ini sejajar dengan sikap yang harus dipunyai oleh orang Jawa selain *narima*. Ketiga sikap sering bertalian kerana orang yang menjalankan *rela* dan *narima* akan menjadi *sabar* (De Jong, 1976: 20). Sikap ini boleh diperoleh daripada sikap Rama dan justeru itu Rama dianggap salah seorang tokoh yang cuba dicontohi oleh khalayak kesusasteraan kuno Jawa.

Di dalam pewayangan Jawa seperti Wayang Purwa, sikap Rama masih tetap digambarkan sebagai anak yang patuh kepada perintah ayahnya namun untuk disesuaikan dengan senario pewayangan, Rama dibeberkan sebagai manusia yang berdramatik terutama sewaktu mahu meninggalkan Ayuthia.

Prince Barata rushed out after his brother, seized him by hand, emphatically, asserted that he would never deprive him of his rightful inheritance. With tears in his eyes, he urged him to remain. But, for Rama, the king's command was law, to which he felt himself bound, both as a loving son as a loyal subject, in absolute obedience; and, in a voice choking with emotion, he replied, "No, no, my good brother. The crown belongs to you. Of that there can be no question. Therefore govern our great country in peace, with wisdom, mercy and justice, and you shall have my blessings..."

(Sunardjo Haditjaroko, 1986: 15)

b) **Sebagai Suami Yang Setia dan Penyayang**

Sebagai seorang suami kepada Sita atau Sinta (dalam kesusasteraan Jawa watak ini dikenali) Rama tidak pernah meletakkan matanya pada wanita lain dan ini dapat dilihat dari sikapnya menolak godaan Sarpakenaka (Shurpanaka) atau dalam versi Melayu dikenali sebagai Surapandaki.<sup>1</sup>

“Jangan mengharap cintaku. Cintaku hanya untuk isteriku seorang, ialah puteri Mantili Dewi Sinta, yang kecantikannya tak ada bidadari yang menandinginya. Di bumi ini mana ada putri secantik isteriku, cantik di luar dan dalam, setia pada suami tiada tara. Tidak sedikit pun niatku untuk menduanya. Cukup ia seorang saja yang menjadi buah jantung hatiku. Mengapa kau tidak mendekati adikku yang di sana itu. Namanya Lesmana. Mungkin ia mau.”

(Sunardi D.M., 1979: 46)

Cinta Rama kepada Sinta bukan hanya setakat pemanis bibir namun dilihat dari sikapnya yang sentiasa cuba memenuhi kehendak sang isteri. Gambaran ini dapat dilihat dari sikapnya cuba mendapatkan Kijang emas dan Kijang kencana dalam versi Jawanya. Padahal Kijang Kencana ini adalah jelmaan Marica yang menjadi saruhan kepada Rawana.

Rama menyintai Sinta dengan sepenuh hatinya sehingga ia hilang akal dan berpenyakit (gendrung) — gila asmara bila diketahuinya bahawa Sinta telah hilang diculik oleh Rawana. Rama menjadi seperti gila. Ia tersenyum bila melihat bayang Sinta bersembunyi di celah-celah pohon. Dikejanya bayangan itu. Antara senyum dan tangis Rama berkata, “Adikku puteri Mantili, jangan menggoda kanda.” (Sunardi D.M., 1979:61). Perasaan yang ditanggung oleh Rama ini telah diungkapkan juga dalam tembang Macapat jenis Kinanthi.

Gandrung-gandrung amangun kung,  
konus rarasing wiyadi,  
keris reresing wardaya,  
yayah kang panon wiyati,  
sirep soroting baskara,  
kadya tungkep ing pratiwi.<sup>2</sup>

Kepada mereka yang bercinta, Rama dianggap sebagai kekasih yang ideal yang sentiasa berusaha untuk hidup bersama-sama kekasih yang dicintai. Di dalam versi Melayu tokoh Rama ditampilkan sebagai manusia yang kehilangan nyawa setelah diketahui Sita telah dilarikan orang. Ia pengsan selama empat hari empat malam dalam versi Shellabear dan di dalam versi Roorda dikatakan Rama pengsan selama 40 hari dan 40 malam (Roorda, T.T: 101). Begitulah gambaran yang diberikan kepada tokoh Rama ini. Justeru itu tidak keterlaluan dikatakan pada

periode awal Ramalah yang menjadi wira pemujaan khalayak kesusasteraan di Wilayah ini.

Penculikan Sita selama beberapa tahun oleh Rawana tidak pernah melunturkan cinta Rama terhadap Sita. Ia sentiasa memuja Sita sehingga sering ia minta dimatikan sahaja.

Marota lon saha riris titis,  
Maweh ngenes ngrurujit tysingwang  
Adhuh-adhuh lahee-lahee,  
Paran wasaneng gandrung,  
Laraningsun kembang pati,  
Pati pati pantara  
Pantaraning tumbuh,  
Tumuwuh tuman kataman,  
Yen Tan nana sihing jawata kang asih  
Banjuten banjurena.<sup>3</sup>

Disebabkan cintanya yang mendalam terhadap Sita, ia telah berusaha untuk mendapatkannya walaupun harus berjuang di dalam peperangan. Akhirnya Rawana ditewaskan dan Sita diperolehnya kembali.

c) **Sebagai Raja Yang Adil**

Walaupun Rama secara jelas tidak ditonjolkan sebagai pemerintah sesebuah negara namun dalam perlakuannya sewaktu membantu Sugriwa dan mengepalai peperangan melawan Rawana, Rama telah ditampilkan sebagai seorang raja yang berwibawa. Gambaran ini dapat dilihat sewaktu memanah Subali (adik Sugriwa).

“Subali, tindakanku sudah ku pikir masak-masak. Belum pernah aku memusnahkan orang-orang yang tidak berdosa... Hanya mereka yang pernah berbuat dosa. Subali ... engkau telah memisahkan Sugriwa dan isterinya tercinta... Engaku pernah memberi aji-aji Pancasona kepada Rawana, raja angkara murka, kejam tiada tara. Ini kesalahan yang lebih besar lagi.

(Sunardi D.M., 1979: 95)

Walaupun subali dianggap sebagai penderhaka namun Rama tetap berlaku adil secara memerintahkan pengikutnya agar mayat Subali disempurnakan menurut tatacara agama Hindu. Dalam pemaparan ini menggambarkan Rama tidak menganiaya mayat orang yang berdosa dan ini berbeda jika dibandingkan dengan Raja Melaka yang membunuh Kitol dan keluarganya sekali, sehingga tiang dan tanah tapak rumahnya telah dibuang ke laut (*Sejarah Melayu*, 1981: 196).

Begitu juga sikap Rama sewaktu Wibisana (adik Rawana) meratapi kematian abangnya Rawana. Ia tidak mencaci-maki Rawana malahan dikatakan:

“Rawana berperang sebagai seorang prajurit sejati, dan jatuh bertempur sebagai seorang pahlawan! Kematian sudah membersihkan dosanya. Kematian memanggil bukan untuk berkabung. Rawana telah memasuki sorga.

(I. Gusti Made Widia, T.T: 311)

Sifat Rama inilah yang cuba dicontohi oleh khalayak kesusasteraan Jawa. Rama telah menampilkan dirinya sejajar dengan keperluan sebagai seorang pemimpin yang ideal iaitu:

- Menyembah Tuhan selalu
- Kesetiaan dan kejujuran itu adalah permata mutiara yang luar biasa
- Mengusahakan kepentingan orang lain atau mengutamakan kepentingan rakyat adalah hakikat tertinggi bagi seorang raja.
- Sifat-sifat baik itu harus ditimbang-timbang yang akan membawa keutamaan dan kewibawaan yang memancar dari dalam. Wibawa seorang raja adalah merupakan busananya yang utama. Indriya-indriya atau godaan hawa nafsu yang berbisa itu tidak akan dapat memasuki ruangan seseorang raja.

(I.Gusti Made Widia, T.T: 313)

Jadi tokoh Rama dalam *Ramayana* telah dijadikan tokoh yang ideal dan ketokohnya terus diterapkan dalam beberapa cerita *Ramayana* versi Jawa, selain ditarikan dalam *Sendratari* dan dipahatkan relief-relief sebagaimana yang disebutkan di awal penulisan ini.

### **Mahabharata**

Dalam periode kesusasteraan Jawa kuno ini *Mahabharata* juga telah memainkan peranan penting dalam mengayakan khazanah kesusasteraan Jawa. Cerita-cerita *Mahabharata* yang asli karya Vyasa diubahsuai dengan sastera Jawa kuno dan diabdikan dalam daun lontar. Pada peringkat awal daun lontar inilah digunakan selain prasasti-prasasti. Tulisan yang digunakan masih menggunakan huruf-huruf India yang sebahagian besar ialah tulisan bentuk Pallava dan sebahagian kecil menggunakan huruf Pra-nagari atau dikenali juga sebagai Siddhamatrika (Zoermulder, 1985: 43)

Penulisan di daun lontar tidak hanya terbatas pada cerita *Mahabharata* malahan cerita *Ramayana* tidak juga ketinggalan. Lumrahnya di dalam periode kesusasteraan Jawa kuno ini bentuk kekawin lebih menonjol selain bentuk prosa. Bentuk prosa dapat dilihat dari karya-karya seperti *Adiparwa*, *Sabhaparwa*, *Wirataparawa*, *Udjogparwa*, *Bhismaparwa*, *Asramawasanaparwa*, *Mosalaparwa*, *Prasthanikaparwa* dan *Swargarohanaparwa* (Poerbatjaraka, 1975: 163).

Parwa-parwa ini adalah bahagian-bahagian yang terdapat dalam kitab *Mahabharata* yang secara langsung menceritakan silsilah para korawa (kaurava) dan pendawa (pandava). Dalam bentuk kekawin juga cerita dari *Mahabharata* lebih banyak yang

boleh diperolehi seperti *Ardjunawiwaha Kekawin*, *Kresnayana Kekawin*, *Sumanasantaka Kekawin*, *Smaradahana Kekawin*, *Bomakawya Kekawin*, *Bharatayuddha Kekawin* dan sebagainya. Jika dilihat karya-karya yang bersumberkan *Mahabharata* sangat melebihi dari karya yang bersumberkan *Ramayana*. Hal ini berlaku kerana masyarakat Jawa menilai *Mahabharata* dari sudut falsafahnya. *Mahabharata* walaupun di akhir cerita berakhir dengan tragedi namun *Mahabharta* telah dapat mapan di jiwa masyarakat Jawa.

Tokoh-tokoh dalam *Mahabharata* kadangkala dianggap sinonim dengan tokoh-tokoh Jawa sendiri. Justeru itu episode-episode dalam *Mahabharata* telah digubah kembali sehingga sesebuah karya yang baharu ini dapat berdiri sendiri. Gambaran yang dapat dilihat seperti tokoh Arjuna dalam *Mahabharata* telah dimunculkan dalam cerita yang tersendiri, sebagaimana yang terdapat pada *kekawin Arjunawiwaha* (Poerbatjaraka, 1975: 16).

Kitab *Kekawin Arjunawiwaha* ini mengesahkan sang Arjuna yang sedang bertapa telah diminta tolong oleh para dewa untuk membunuh raja raksasa yang bernama Niwata kawaca. Kitab ini pada dasarnya adalah petikan bahagian ketiga dari *Mahabharata* yang disebut *Wanaparwa*.

Kitab ini digubah oleh Mpu Kanwa pada waktu pemerintahan Prabu Airlangga iaitu seorang raja di Jawa Timur pada sekitar tahun 941 - 964 Caka (1019 - 1042 masihi). Kitab ini digubah oleh Mpu Kanwa sebagai tanda baktinya kepada Raja Airlanggan sehingga tokoh Airlanggan itu sendiri disamakan dengan tokoh Arjuna di dalam *Kekawin Arjunawiwaha*. Hal ini ada kewajarannya kerana dikatakan sewaktu wangsa Sindhok mulai lumpuh, Airlangga yang masih muda telah datang ke Jawa bertepatan dengan suatu upacara perkahwinan. Raja ini akhirnya berhasil memulihkan wangsa Sindhok dan memerintah sehingga tahun 1042 masihi.

Mpu Kanwa telah menggubah karya ini khusus ditujukan buat Airlangga walaupun nama Airlangga tidak disebutkan. Faktor ini dapat dilihat dari *manggala* (mukadimah) *kekawin Arjunawiwaha* yang berbunyi:

“Batin ang bijak sungguh telah tebus sampai ke tingkat (kesempurnaan) tertinggi. Dari keadaan sunyata (kosong) bukan dari kawasan panca indera, timbullah tekadnya mengabdikan diri (membuka diri) kepada urusan-urusan duniawi. Semoga amal baktinya yang penuh pahala serta tindakannya yang bersifat ksatriya, mencapai tujuannya. Daulat terhadap dirinya sendiri dan penuh ketenteraman barin (santosa) ia menerima keadaan ini, yakni tetap terpisah oleh tabir (maya) dari sebab Abadi dunia ini.”

“Kuletakkan puncak kepalaku pada debu sandal raja yang menampakkan diri dengan cara itu (oleh perbuatan dan keutamannya). Ia merupakan sumber berkat yang tak pernah kering untuk menuangkan kemenangan Partha (Arjuna) di kediaman para dewa dalam bentuk sesebuah syair.”

(Zoetmulder, 1985:309)

Tokoh Arjuna di dalam *Mahabharata* sering dianggap sebagai seorang tokoh Pendawa yang ideal, sehingga watak Raja Airlangga yang memerintah Jawa Timur itupun ada kesamaannya dengan watak Arjuna.

Di dalam pewayangan Jawa tokoh-tokoh dari *Mahabharata* ini telah ditampilkan secara melihat makna-makna yang tersirat dari perwatakan-perwatakan ini. Fenomena ini selaras dengan pandangan Robson bahawa:

... The Indonesian scholars on the other hand like to point to the moral lessons to be found in classical literary works. There is no doubt that such lessons are there; some texts, such as Javanese *Walang niti* or *tutur*, actually state the intention of their title, while others contain passages of an unambiguously didactic nature.

(Robson, 1988: 6)

Pewayangan dalam masyarakat Jawa adalah simbol dari hidup dan kehidupan manusia. Sebaliknya manusia itu pula bukan simbol dari wayang. Dengan mempelajari dan mengenali wayang, kita dapat mengenal hidup dan kehidupan itu sendiri (Mulyono, 1977: 21). Justeru itu setiap tokoh di dalam keluarga Pandawa telah dikupas dari segi etimologinya dan disesuaikan pula dengan pandangan Jagad Jawa sendiri.

Tokoh Pandudewanata adalah ayah kepada lima tokoh Pandawa iaitu Yudhistira, Bima, Arjuna, Nakula dan Sadewa. Pandudewanata ini membawa maksud tidak dapat menoleh dan sentiasa memandang lurus ke depan selaras dengan kata pandu (Ki Wahyu Pratista, 1973: 21). Kata pandu itu sendiri membawa maksud membimbing ke arah kebenaran. Tidak ada perlakuan pandu yang membawa makna membimbing ke arah kedurjanaan. Jadi kebenaran ini adalah menjadi ciri ilmu pengetahuan yang hanya dapat dimengerti oleh akal.

Tokoh Pandudewanata ini berkahwin dengan dua orang wanita iaitu Dewi Kunti dan Madrim. Dari Dewi Kunti telah diperoleh tiga orang putera iaitu Yudhistira, Bima dan Arjuna atau Harjuna sedangkan dari Madrim telah diperolehi dua orang putera yang bernama Nakula dan Sadewa.

Dewi Kunti ini dilukiskan sebagai tingkat kesedaran yang dicapai secara bertapa iaitu tingkat kesedaran jiwa yang bebas dari desakan kedagingan atau sekurang-kurangnya kesedaran yang dapat mengendalikan nafsu kejasmanian (kedagingan). Madrim pula dilambangkan sebagai tingkat kesedaran yang menyeimbangkan dengan material kerana Madrim sendiri bermaksud tanah atau bumi.

Ketiga anak dari Kunti dilambangkan sebagai kesedaran dalaman, sedangkan dua anak Madrim sebagai kesedaran luaran seseorang manusia.

### **Watak Yudhistira**

Nama tokoh ini berasal dari kata *Yudhi* yang bermaksud ahli dalam perang atau pahlawan perang. *Isthira* pula membawa makna kemantapan kemahuan batiniyah yang mengarah ke dalam diri. Dalam erti yang lain Yudhistira bermaksud pahlawan perang yang sentiasa berqiblat kepada Yang Maha Esa. Tokoh ini dikatakan sentiasa patuh dan

pasrah dengan kehendak Yang Maha Kuasa sehingga pada masyarakat Jawa tokoh ini mempunyai darah putih yang pada dasarnya adalah sebagai tokoh suci.

Di dalam pewayangan Jawa, tokoh ini kadangkala dikenali sebagai Dharma Kusuma, Dharma Raja Dharma Putera dan Puncta Dewa iaitu Panah dewa. Gambaran tentang Yudhistira sering dikaitkan dengan kesucian yang ada pada dewa yang sentiasa berada pada tingkat kesedaran luhur.

Pada tanggapan masyarakat Jawa Yudhistira dikatakan mempunyai senjata yang berupa kitab sakti yang diberi nama *Kalimasada Pustaka Jamus*.

Kalima	=	lima keseluruhannya
Usada	=	penyembuhan (usaha baik yang menuju kesihatan)
Pustaka Jamus	=	Kitab Suci

Secara keseluruhannya kitab suci ini membawa maksud lima jalan yang baik atau lima jalan menuju kebahagiaan (Ki Wahyu Pratista, 1973: 25). Lima jalan menuju kebahagiaan yang difahami oleh masyarakat Jawa adalah:

1. Menjiwakan makna dari ke Maha Esaan
2. Bersembahyang
3. Mengendalikan hawa nafsu
4. Budi dharma
5. Berbudi luhur.

Apabila lima jalan kebahagiaan ini ditempuh secara keseluruhan dan unggul maka akan tercapailah kebahagiaan yang bersifat abadi. Lima jalan yang disebutkan ini telah diikuti oleh Pandawa lima bersaudara sehingga mereka berjaya di medan Kurukshetra melawan Korawa. Kemenangan inilah yang dikatakan kebahagiaan.

Pada masyarakat Jawa yang mengamalkan fahaman Javanisme ini menganggap bahawa kebahagiaan akan sentiasa dapat dipertahankan jika ianya tidak bergeser dari kesedaran yang ada kaitannya dengan yang Maha Kuasa. Dalam erti yang lain pengekangan hawa nafsu amat diperlukan kerana hawa nafsu yang tidak terkawal adalah umpama kuda-kuda liar yang tak terkawal.

### **Watak Bhima**

Tokoh ini juga sering muncul dalam kesusasteraan klasik Jawa sebagai tokoh yang mempunyai tenaga yang luar biasa. Ia dilahirkan terdahulu dari abangnya Yudhistira secara berbungkus. Hal ini pada masyarakat Jawa ada persamaan dengan hidup yang sejati. Hidup yang sempurna akan dapat dicapai dan difahami setelah menyingkirkan segala ketidaksedaran dan angan-angan yang menyelubungi hidup ini.

Di dalam kesusasteraan Jawa tokoh ini dikenali juga sebagai Werkudara iaitu werku bermaksud anjing hutan dan udara bermaksud perut. Jadi Werkudara membawa pengertian sifat perut anjing hutan yang sentiasa lapar dan dapat melahap apa sahaja.

Dalam erti yang difahami oleh masyarakat Jawa bahawa Bhima merupakan lambang dari adanya angan-angan yang begitu lahap dalam memakan atau mencernakan pengertian.

Kekuatan Bhima sebagai angan-angan yang berkemampuan digambarkan juga melalui tiga orang puteranya iaitu Gatotkaca, Antareja dan Antasena. Tokoh Gatotkaca ini dikatakan dapat terbang menerobosi angkasa dan lambang kebolehan Gatotkaca ini pula telah digunakan oleh para juruterbang Angkatan Udara Indonesia sebagai lambang kewibawaan angkatan ini (Marbangun Hardjawirogo, 1984: 33). Tokoh Antareja pula berkemampuan menerobosi bumi, sedangkan Antasena berkemampuan berjalan di dalam air. Hal ini melukiskan bahawa angan-angan manusia itu boleh sahaka menerobos bumi, air dan angkasa.

Tokoh Bhima dikatakan mempunyai senjata *gadha* yang disebut gada Rujak Polo. Polo bererti otak dan dalam hal ini ada kaitan dengan angan-angan manusia itu sendiri iaitu sering menggunakan alat jasmaniah manusia yang disebut otak. Tanpa otak manusia tidak biasa untuk berangan-angan.

Pada dasarnya begitu banyak perlambangan yang digambarkan untuk tokoh Bhima ini dan di dalam pewayangan, Bhima dikatakan berkain yang menggunakan empat jenis warna iaitu merah, putih, kuning dan hitam. Keempat-empat warna ini pula mempunyai maknanya yang tersendiri yang ada kaitannya dengan sifat marah, tamak, rela, sabar, narima dan jujur yang ada dalam setiap individu manusia. Sifat rela, sabar, narima dan jujur ini pula diharapkan dapat bekerjasama untuk melahirkan Budi Luhur yang mampu pula untuk membebaskan manusia dari lilitan nafsu negatif yang melilit jiwanya.

### **Watak Arjuna/Harjuna**

Tokoh ini memainkan peranan penting dalam epos *Mahabharata* kerana melaluinya sahaja kemenangan dapat diraih oleh pihak Pandawa.

Di dalam kesusasteraan Jawa, tokoh ini dikenali sebagai Harjuna yang membawa erti air yang berada di tempatnya. Air dalam makna rohaniah ialah hidup. Manusia tidak dapat hidup tanpa air dan air merupakan elemen yang paling dominan untuk seseorang individu itu untuk terus hidup.

Kedudukan Arjuna/Harjuna sebagai anak yang tengah atau yang ketiga dari lima beradik ini membawa makna bahawa ia adalah titik pusat atau titik tengah hidup dan justeru itu pada masyarakat Bali ia dikenali juga sebagai *Pamade* (yang tengah).

Disebabkan Arjuna sebagai tokoh yang berwibawa dalam cerita-cerita *Mahabharata* sehingga terkadang ia dikenali juga sebagai Begawan Cipta Ning dan Lananging Jagad.

Mengenai Begawan Cipta Ning ini membawa pengertian sebagai cipta yang jernih, iaitu cipta yang terpisah dari kotoran kebendaan (material). Secara keseluruhannya peperangan di antara Arjuna dengan Nitikawaca dan memperoleh Dewa Supraba ini dapat dilihat dari makna yang tersirat iaitu manusia yang dapat membersihkan ciptanya dan kotor-kotoran duniawi, akan dapat cahaya yang meruntun jasmaniahnya menuju kebahagiaan. Hal ini selaras dengan makna yang terungkap dari nama Dewa Supraba, yang bererti cahaya yang gemilang.

Mengenai gelaran Arjuna sebagai Lanang Jagad ini pula berkait rapat dengan sikapnya yang sentiasa lembut sehingga ia dicintai oleh setiap wanita. sehingga kinipun tanggapan kepada lelaki tampan yang baik sering dikaitkan dengan tokoh Arjuna.

### **Tokoh Nakula dan Sadewa**

Kedua tokoh ini adalah putera kembar dari Pandudewanata dengan Madrim. Madrim bermakna tanah dan dapat dikaitkan dengan *mutter* - ibu, *mother-land* (ibu pertiwi iaitu tempat tumpah darah). Dengan demikian kedua tokoh ini merupakan bentuk kerjasama antara angan-angan dan unsur-unsur kebendaan.

Bentuk kerjasama ini dapat dilihat pada alat panca indera manusia ini seperti sepasang mata untuk melihat, sepasang telinga untuk mendengar, sepasang lubang hidung untuk membau, lidah untuk merasakan dan kulit untuk perabaan.

Dengan panca indera jasmaniah ini manusia dapat menyedari sesuatu hakikat dan kenyataan. Kemampuan ini dinyatakan dengan nama Na bererti ada dan Kula bererti ciptaan. Nakula bererti adanya makhluk, sebagai ciptaan wujudiah (Ki Wahyu Pratista, 1973: 35).

Begitu juga dengan panca indera rohaniah, manusia sering dapat memahami sesuatu keadaan yang tidak nyata tetapi ada. Kemampuan menyedari hakikat ini ada kesamaan dengan kemampuan dewa yang ada sejajaran pula dengan kata Sadewa yang bererti setingkat dewa.

Pada dasarnya kelima tokoh pandawa di dalam *Mahabharata* membawa makna yang tersirat, yang sering dikaitkan dengan kehidupan manusia di mayapada ini. Pada masyarakat Jawa kesusasteraan yang baik seharusnya dilihat apakah mesej yang ingin disampaikan oleh pengarang. Hal seperti ini ada persamaannya dengan pagelaran wayang purwa yang dilihat hanyalah bayangan. Untuk melihat objek secara realitas haruslah disingkap kelir yang melindungi objek yang sebenar. Dalam memahami kesusasteraan Jawa, seharusnya seseorang pelajar itu memahami corak pemikiran masyarakat tersebut. Begitu juga halnya sewaktu meneliti wira dalam kesusasteraan Jawa tidak hanya dilihat dari peranan yang dimainkan oleh setiap wira tetapi melihat apakah makna yang tersirat dari penampilan wira-wira tadi.

### **Penutup**

Dengan melihat wira-wira yang disorot dalam setiap periode ini menampakkan wira-wira ini bukan sahaja dipandang dari rupa fizik semata tetapi dilihat juga dari perlakuan-perlakuan yang ditampilkan oleh tokoh-tokoh tadi. Dari perlakuan tokoh-tokoh inilah yang diberi makna sejajar dengan pandangan jagat Jawa.

Walaupun tokoh-tokoh Hindu masih diterapkan terus tetapi mereka sudah dianggap sebagai tokoh yang mewakili citra rasa Jawa. Fenomena ini agak menonjol dalam pewayangan Jawa. Namun demikian di dalam kesusasteraan klasik Jawa ini telah muncul tokoh Panji yang kewibawaannya telah menerobosi kesusasteraan-kesusteraan kaum lain di Nusantara ini. Tokoh Inu (Panji) tidak hanya terdapat pada kesusasteraan Jawa sahaja malah terdapat juga pada Melayu, Thai, Kemboja dan Laos.

Setelah unsur Islam menyerap dalam budaya Jawa, unsur-unsur ini juga telah diterapkan dalam penampilan tokoh-tokoh ini. Yang ketara karya-karya dalam periode ini banyak menekankan keunggulan ajaran Islam. Begitu juga di zaman Surakarta atau di zaman Ranggawarsita, tidak ada tokoh secara khusus yang cuba ditonjolkan tetapi lebih ditekankan kepada penghayatan ajaran Jawa yang kadangkala dikaitkan dengan Islam yang sudah disinkritismakan. Walau bagaimanapun wira-wira dalam kesusasteraan Jawa klasik adalah penampilan wajah Hindu-jawa.

### Nota

1. Di dalam versi Melayu, Sura Pandaki menyamar sebagai perempuan cantik kerana ingin membalas dendam kepada perbuatan Laksamana yang membunuh anaknya Darsa Singa. Ia cuba menggoda Rama dan Rama telah berkata:

“Hai perempuan muda, aku telah beristeri, jika engkau hendak bersuami, ada saudaraku, Laksamana dibalik bukit ini, pergilah engkau ke sana.

(Farid M. Onn, 1965: 40)

2. Maknanya:

Rama mulai gandrung dan merayu-rayu,  
Kegembiraannya seperti direnggur,  
Hatinya seperti dihiris-hiris,  
Pandangannya seperti mulai kabur,  
Cahaya mentari mulai suram,  
seperti menelungkup ke bum.

(Sunardi D.M., 1979: 61)

3. Maknanya:

Angin sepoi-sepoi dan gerimis yang menitis,  
Hatiku seperti dihiris-hiris,  
Aduh, amboi...  
Apakah akhirnya sakitku ini,  
Sakitku bak bunga kematian,  
Kematian yang mulai muncul  
Muncul tumbuh di taman,  
Jika tiada belas kasih dari dewa  
Entah apa jadi garang  
O dewa! hancurkanlah diriku ini.

(Sunardi D.M, 1979: 74)

4. Kitol telah dianggap sebagai pencetus peristiwa sehingga membawa kematian kepada Bendahara Sri Maharaja dan keluarganya.

(*Sejarah Melayu* 1981: 196)

**Bibliografi**

ABD. RAHMAN KAEH. 1989. *Panji Nawawangsa*. K. Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka, Kementerian Pendidikan Malaysia.

AJIP ROSIDI. 1968. *Roro Mendut*. Djakarta: Gunung Agung.

ALI HAJ AHMAD. 1986 "Kesusasteraan Melayu Di dalam Tasawur Islam", Seminar kesusasteraan Klasik di Universiti Sains Malaysia. 21 - 23 Julai.

DAMAR WULAN. 1969. Kuala Lumpur: Pustaka Antara.

DUJOSANTOSA. 1986. *Unsur Religius Dalam Sastra Jawa*. Semarang: Penerbit Aneka Ilmu.

GEONADE, M. 1962. *Sejarah Kesusasteraan Indonesia Dari Zaman Ke Zaman*, Jakarta: Penerbitan Noor Kemala.

HARUN MAT PIAH. 1980. *Cerita-cerita Panji Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

I GUSTI MADE WIDIA, T. T *Ramayana*, Den Pasar: Guna Agung

KI WAHYU PRATISTA. 1973. *Kupasan Wayang Purwa*. Yogyakarta: Penerbit Praktis.

LIAW YOCK FANG. 1975. *Sejarah Kesusasteraan melayu Klasik*, Singapura: Pustaka Nasional.

MARBANGUN HARDJOWIROGO. 1984. *Mamusia Jawa*, Jakarta: Inti Idayu Press.

MISDAN JAMIL. 1974/75. *Layang Damar Wulan Tanpa Tembang*. Universiti Kebangsaan Malaysia: Latihan Ilmiah.

NJOMANS S.PENDIT. 1970. *Mahabharata, Schuah Perang Dahsjat Di Medan Kuyukshetra*. Djakarta: Bharatara.

NORIAH MOHAMED. 1987 "Kesusasteraan Jawa dan Hubungannya Dengan kesusasteraan Melayu Tradisional " dalam Siti Hawa Hj. Salleh. *Cendekia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

PIGEAUD,THEODORE G.H. 1967. *Literature of Java, Synopsis of Javanese Literature 900-1900 A.D.* Vol. 1 the Hague: Martinus Nyhoff.

Jilid 6, 1996

- POERBARJARAKA, R.NG D.I.** 1957. *Kepustakaan Djawa*, Djakarta: Penerbit Djambatan.
- POERBATJARAKA R.NG.** 1968. *Tjeritera Panaji Dalam Perbandingan*, Djakarta: Gunung Agung.
- RAFFLES S.T.** 1965 *History of Java*, Kuala Lumpur: Oxford University Press. Vol.1.
- RAGGAWARSITA, R.NG.** 1966. *Pandji Jajeng Tilam*. Djakarta: PN Balai Pustaka
- RAS J.J.** 1973, 'Function and Background of Indonesian panji Tales' Paper read in S.E.A. *Insulindian Archipelago of the 29th International Congress of Orientales*, Paris: 16th - 22nd July.
- ROBSON S.** 1988. *Principles of Indonesian Philology*, Dordrecht - Hollend/Providence — U.S.A.: Foris Publications.
- PRAWIROATMODJO,** 1981, *Bausastra Jawa Indonesia*, jakarta:Gunugn Agung
- SALEH,** 1968. *Mahabharata*, Djakarta : P.N. Balai Pustaka
- SANUSI PANE;** 1965, *Sejarah Indonesia*, Djakarta : Balau Pustaka, Jilid 1.
- Sejarah Melayu*, diusahakan oleh W.G.Shellabear, K Lumpur: Fajar bakti, 1981.
- SLAMET MULJANA.** 1968. *Runtuhnya Kerajaan Hindu - Jawa dan Timbulnya Negara - Negara Islam di Nusantara*, Djakarta: Bharata.
- SOENARTO TIMOER.** 1980. *Damarwulan: Sebuah Lakon Wayang Krucil*, jakarta: PN Balai Pustaka.
- SOENARTO TIMOER.** 1987. *Transformasi Nilai Sejarah Melalui Cerita Rakyat*, Surabaya: Lembaga Javanology.
- SRI MULYONO, Ir,** 1977. *Wayang dan Karerter Manusia*. Jakarta: Pustaka Wayang
- SUNARDI D.M.** 1979 *Ramayana*, jakarta :PN Balai Pustaka.
- ZOETMULDER, P.J.** 1985 *Kalangwan, Sastera Jawa Kumo Selayang Pandang*, Jakarta: Penerbit Djambatan.